



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**KENYATAAN MEDIA**  
**BIL. 7/2026**

**PELAKSANAAN URUSAN SEMAKAN**  
**DAFTAR PEMILIH TAMBAHAN BULAN DISEMBER**  
**TAHUN 2025 (DPT BLN12/2025)**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan bahawa **Daftar Pemilih Tambahan Bulan Disember Tahun 2025 (DPT BLN12/2025)** telah diperaku dan diwartakan pada **28 Januari 2026**. DPT BLN12/2025 ini dibuka untuk semakan selama **30 hari mulai 28 Januari 2026 hingga 26 Februari 2026**.
2. DPT BLN12/2025 ini mengandungi **44,042** nama warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Disember 2025 hingga 31 Disember 2025** yang didaftarkan secara automatik sebagai pemilih baharu, **16,699** orang pemilih berdaftar yang bertukar bahagian pilihan raya dan **4,872** orang pemilih bertukar kategori pengundi/ status.
3. SPR menyediakan lima (5) kaedah semakan bagi DPT BLN12/2025 iaitu seperti berikut:
  - (a) Portal SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau **<https://mysprsemak.spr.gov.my>**;
  - (b) Portal rasmi Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan **<http://ppn.spr.gov.my>**;
  - (c) Aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>**;
  - (d) Aplikasi mudah alih **MySPR Semak**; atau
  - (e) Hotline Semakan Pendaftaran Pemilih di talian **03-8892 7218**.
4. SPR menyeru kepada warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh **1 Disember 2025 hingga 31 Disember 2025**

dan mana-mana pemilih berdaftar yang telah memohon pertukaran bahagian pilihan raya atau pertukaran kategori pengundi/ status untuk menyemak nama mereka dalam DPT BLN12/2025. Sekiranya mereka mendapati namanya tidak disenaraikan dalam DPT BLN12/2025, mereka boleh membuat **TUNTUTAN** dengan mengisi **Borang C** melalui aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.

5. Di samping itu, mana-mana pemilih berdaftar di sesuatu bahagian pilihan raya yang membuat semakan dan berhasrat membuat **BANTAHAN** ke atas kemasukan nama pemilih yang membuat pertukaran ke bahagian pilihan rayanya dengan mengisi **Borang D** melalui aplikasi dalam talian di pautan **<https://myspr.spr.gov.my>** atau hadir ke Pejabat Pilihan Raya Negeri yang berkenaan.
6. Borang C dan Borang D juga boleh **dimuat turun dari portal Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri di pautan <http://ppn.spr.gov.my>** dan **hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri berkenaan untuk membuat serahan dan membayar fi bantahan pada waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja** sepanjang tempoh semakan DPT BLN12/2025.
7. Untuk sebarang pertanyaan mengenai urusan semakan DPT BLN12/2025 ini, orang ramai boleh melayari portal rasmi SPR di pautan **<https://www.spr.gov.my>** atau hubungi SPR di talian **03-8892 7218** atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri.

Sekian, terima kasih.

**DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

28 Januari 2026 / 9 Syaaban 1447H